

28 OCT 2003

Parlimen-Iktiraf

PENGORBANAN MOHANDASS DAN MAGENDRAN TURUT DIIKTIRAF KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Kerajaan sentiasa memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada rakyat negara ini yang telah berjaya menaikkan imej negara melalui pencapaian cemerlang dalam bidang masing-masing.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata mereka termasuklah Mohandass Nagappan dan Magendran Munusamy yang merupakan rakyat Malaysia pertama berjaya menawan puncak Gunung Everest.

Yang di-Pertuan Agong telah mengurniakan pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N) kepada mereka selain dianugerah pingat Ahli Mahkota Selangor (A.M.S) oleh Sultan Selangor.

"Mereka juga turut menerima sebuah kondominium di Bukit Jalil yang bernilai RM250,000.00, wang tunai berjumlah RM50,000.00 daripada kementerian, wang tunai RM25,000.00 daripada kerajaan negeri, biasiswa melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Mereka turut diberikan kenaikan pangkat, kontrak promosi barangan dengan syarikat swasta dan pelbagai bentuk insentif lain daripada pelbagai pihak," katanya dalam jawapan bertulis kepada Fong Poh Kuan (DAP-Batu Gajah) hari ini.

Fong bertanyakan sebab Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan tidak memberi pengiktirafan sewajarnya kepada dua wira tersebut seperti yang diberikan kepada Datuk Malik Mydin.

Malik merupakan rakyat Malaysia pertama berjaya merentas Selat Inggeris.

Hishammuddin berkata anugerah dan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan tidak hanya terhad kepada ganjaran wang tunai.

Ganjaran lain termasuklah biasiswa dan sumbangan kepada anggota keluarga atlet atau bekas atlet negara yang telah meninggal dunia sebagai mengenang jasa mereka.

-- BERNAMA  
SNS SNS LAT